

ERA DARURAT 1948-1960; STRATEGI DAN PERANCANGAN PIHAK KERAJAAN MEMERANGI ANCAMAN PARTI KOMUNIS MALAYA(PKM)

THE ERA OF EMERGENCY 1948-1960; STRATEGY AND PLANNING THE GOVERNMENT FIGHT AGAINST THE THREAT OF COMMUNIST PARTY OF MALAYA (CPM)

Mohd Kasri Saidon

Muzium Pengurusan, Universiti Utara Malaysia
(Email: kasri@uum.edu.my)

Accepted date: 20-04-2019

Published date: 11-07-2019

To cite this document: Saidon, M. K. (2019). Era Darurat 1948-1960; Strategi dan Perancangan Pihak Kerajaan Memerangi Ancaman Parti Komunis Malaya (PKM). *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 235-251.

DOI: 10.35631/ijlgc.4150023

Abstrak: Artikel ini adalah tentang perancangan dan implimentasi yang dilakukan pihak kerajaan dalam era darurat ketika berhadapan dengan ancaman pihak Parti Komunis Malaya (PKM). Ancaman dan serangan yang dilakukan pihak PKM tersebut telah mengugat kestabilan sosial, politik dan ekonomi negara kita itu. Dua tokoh kepimpinan dari Britain telah menjadi tunggak kepada pelan pihak kerajaan untuk memerangi musuh. Asasnya dari Harold Briggs dengan perancangan menyekat penyerapan musuh kedalam masyarakat umum. Kematian Briggs akibat kemalangan telah digantikan dengan Gelard Templer seorang pegawai tinggi tentera yang berpengalaman. Pihak kerajaan memperkemaskan semua aspek pertahanan dan keselamatan dari dicerobohi musuh. Aspek teras keselamatan seperti tentera dan polis diperkemaskan, dipihak awam pasukan bantuan pertahanan dan pembangunan insaniah dimantapkan dan menjadi benteng yang kukuh secara keseluruhan. Jelas membuktikan pelan dan strategi yang menyeluruh ini telah berjaya menyekat pihak musuh dari meluaskan gerakan mereka dan sekaligus memenangkan pihak kerajaan. Darurat berlangsung selama 12 tahun tamat dalam tahun 1960 apabila negara diisytiharkan aman dari kekacauan Komunis.

Kata Kunci: Darurat, perancangan, Komunis, Brigg, Templer

Abstract: This article is about the planning and implementation of the government in an emergency when faced with the threat of the Communist Party of Malaya (PKM). Threats and attacks by the CPM have suppressed the social, political and economic stability of our country. Two leaders from Britain have been the pillars of the government's plan to combat the enemy.

Its foundations from Harold Briggs are designed to block the absorption of the enemy into the general public. Briggs's death from the accident has been replaced with Gelard Templer an experienced military officer. The government streamlines all aspects of defense and security against enemy encroachment. The key aspects of security such as military and police are streamlined, on the part of the civil defense and human development teams are strengthened and become a strong fortress as a whole. It is evident that this comprehensive plan and strategy has successfully blocked the enemy from extending their movement and winning the government. The emergency took 12 years to end in 1960 when the state was declared safe from Communist chaos.

Keywords: *Emergency, planning, Communist, Brigg, Templer*

Pengenalan

Darurat atau sering disebut sebagai ‘Perang yang tidak diisytihar’ merupakan sebahagian dari sejarah perjalanan Malaysia sebagai negara yang berdaulat. Negara ini dikenali dahulunya sebagai Tanah Melayu (Malaya) berhadapan dengan ancaman hebat dari Parti Komunis Malaya (PKM) yang menjadi musuh untuk satu tempat bencana yang panjang. Peristiwa darurat ini telah melibatkan dua fasa ancaman PKM ini iaitu situasi darurat yang mengambil masa dari tahun 1948-1960, ia lebih popular dengan terma *Emergency* dan kebangkitan serangan musuh kali kedua pula disebut *Insurgency* iaitu pada tahun 1968-1989. Namun tempoh kebangkitan insurgensi ini tidak lama, berakhir dengan perletakan senjata pihak PKM dalam Perjanjian Hatyai yang berlangsung di Lee Garden Hotel, Hatyai Thailand pada 2hb. Disember 1980. Perjanjian ini telah menamatkan episod serangan bersenjata PKM. Begitupun pertembungan bersenjata antara pihak kerajaan Tanah Melayu dengan PKM ini merupakan sebahagian sejarah negara yang penting. Perihal tentangan pihak PKM selaku musuh khususnya tentang strategi dan impak yang berlaku kerap menjadi perbincangan para ahli sejarah, strategis dari pasukan keselamatan atau sesiapa sahaja yang melihat ada aspek yang dapat dipelajari darinya. Dalam topik perihal PKM di Kedah adalah fokus perbincangan. Negeri ini yang paling utara yang bersempadankan Thailand dan sememangnya menjadi medan serangan dan penyusupan musuh. PKM mendirikan beberapa pengkalan besar di selatan Thailand dan Kedah adalah antara laluan utamanya untuk kerja-kerja subversif. Ancaman PKM di Kedah bermula hebat dari fasa *emergency* dan membawa ke era *insurgency* kemudiannya. Namun dalam perbincangan ini difokuskan kepada perihal di era *emergency*. Pihak kerajaan mengadakan pelbagai perancangan dari pelbagai elemen yang dapat dijadikan batas pertahanan dan keselamatan bagi menghadapi ancaman musuh ini. Tindakan pihak kerajaan dan elemen strateginya dilihat begitu berkesan dalam menghadapi serangan subversif PKM.

Objektif Perbincangan

Di Asia Tenggara tidak banyak kekacauan yang besar selain dari permasalahan dan pemberontakan dalam negeri. Kebanyakan kekacauan berkisar kepada gerakan anti penjajahan. Sejarah moden Tanah Melayu pula khususnya selepas tahun 1900 memperlihatkan tidak banyak peperangan dan ancaman berskala besar kecuali Perang Dunia Kedua, Darurat dan Konfrantasi Malaysia-Indonesia. Dalam Perang Dunia Kedua penglibatan rakyat tidak begitu jelas kecuali ada peranan beberapa kesatuan yang menyokong pihak Jepun diawal kemaraannya. Ada jumlah penyertaan anak tempatan dalam pertahanan sama ada sebagai

tentera namun jumlah itu tidaklah besar. Kemaraan tentera Jepun dan kependudukan mereka telah membawa banyak kesan kepada kesedaran dan suasana politik di Tanah Melayu. Selepas ketewasan pihak Berikat khususnya British dalam perang tersebut datang kekacauan besar akibat gerakan penentangan bersenjata PKM selepas Jepun menyerah kalah. British mengambil langkah lebih strategik dengan mengerakkan semua agensi kerajaan dan rakyat bagi menentang pihak Komunis. Perbincangan ini bertujuan agar perancangan yang menggunakan elemen kerajaan dan awam di era darurat dilihat kembali sebagai satu pengajaran yang berkesan dalam usaha memerangi musuh ini. Kisah tentang ancaman PKM dan perancangan melawan yang dibuat kerajaan dan orang awam ini agak dilupakan dalam masyarakat. Umumnya rakyat Malaysia hanya mengisahkan kembali tentang kekejaman pihak PKM dan keperwiraan melawan dari pasukan kerajaan. Tidak banyak yang mengupas lebih ilmiah tentang strategi pertahanan dan keselamatan binaan pasukan keselamatan dan penglibatan rakyat awam sendiri apatah lagi untuk mengecilkan skop kepada negeri Kedah. Perbincangan ini diharap bakal menyumbang kepada pengayaan wacana sejarah dalam aspek tersebut.

Operasi dan Tindakan Pasukan Keselamatan

PKM telah wujud sebelum Perang Dunia Kedua, namun ia lebih kepada gerakan politik yang bersandarkan sokongan kelompok pekerja. Semasa kemaraan tentera Jepun, PKM telah diberikan ruang oleh British untuk mempertahankan Tanah Melayu. Namun semasa dua minggu pertama Jepun menyerah kalah pihak PKM begitu agresif bertindak sebagai penguatkuasa yang bertentangan dengan masyarakat umum khususnya orang Melayu. Pihak PKM memulakan kempen serangan bersenjata mereka dalam tempoh awal kembalinya British khususnya dalam tahun 1948. Tiga tahun pertama (1946-1948) dilihat sebagai masa penyusunan dan pengukuhan kembali tadbir negara. Seluruh negara masih lagi dalam keadaan tidak terurus akibat penjajahan Jepun. Pasukan keselamatan masih berkecamuk dengan pelbagai bentuk pasukan yang diasaskan semasa Jepun. Kekalahan British, kekejaman dan kepayahan hidup menyebabkan ramai anggota pasukan keselamatan yang memilih kerja lain. Asas ini terjadi akibat tempoh masa yang panjang sekitar tiga tahun lapan bulan di bawah Jepun dan Siam (di Kedah) menjadikan penduduk menumpukan kepada pekerjaan yang boleh menyelesaikan masalah kelaparan akibat kurangnya bahan makanan. Bagi mereka yang menjadi anggota pasukan keselamatan Jepun pula, kehidupan agak tersepit antara arahan kerajaan Jepun dan serangan dari pasukan bawah tanah sama ada Pasukan 136, MPAJA atau Komintang. British kemudiannya menyusun kembali pasukan keselamatan dengan membentuk kembali pasukan polis dan tentera selepas perang. Pada permulaan darurat, pasukan keselamatan hanya bersandarkan kepada kekuatan 9,000 anggota polis tetap dan 10 batalion tentera. Musuh yang dihadapi dianggarkan berjumlah hampir 12,000 termasuk *Min Yuen*.¹

Polis

Polis merupakan teras utama kepada penguatkuasaan keamanan dan ketenteraman di tahun-tahun awal tamat perang. Dalam lima tahun pertama era darurat jumlah musuh adalah besar. Mereka juga mempunyai kemahiran tempur sama ada dilatih oleh pihak British sebelum kalahnya Singapura atau oleh Force 136 semasa Jepun berkuasa. Apabila tamat perang dan

1 PPP Mohd Reduan Hj. Asli & Inps.Mohd Radzuan Hj.Ibrahim, 1984. *Polis Diraja Malaysia, Sejarah Peranan Dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.25.

kekacauan PKM berlaku mereka menjadi musuh yang kuat berbanding pasukan keselamatan.² Atas alasan ketidakseimbangan ini pasukan keselamatan mula diperkembangkan. Pasukan polis yang menjadi teras kekuatan ketika itu diperkuatkan dari tahun ke tahun. Permulaan tahun 1949, jumlah anggota tetap polis diperkuatkan kepada 12,767 orang anggota, setahun kemudian angka ini menjadi 16,220 orang. Menjelang Julai 1951 kekuatan polis meningkat dengan jumlah Pegawai Berwarta seramai 552 orang, Inspektor British 7, Inspektor Asia 580, Leftenan Polis 690 dan Konstabel 17,707 orang. Keseluruhan kekuatan meningkat lagi kepada 22,187 orang dalam tahun 1952. Di kemuncak era darurat kekuatan anggota tetap mencapai angka 36,737 orang. Pasukan gerakan hutan yang dinamakan *Field Force* berjumlah hampir 3,000 orang anggota yang digerak membasmi musuh di kawasan hutan hingga ke sempadan Thailand.³

Pasukan musuh yang besar telah memaksa pihak British selaku kuasa tadbir menukar strategi pertahanan dan keselamatan. Pasukan berasaskan penyertaan rakyat umum dibentuk memandangkan penentangan melawan komunis adalah agenda semua warga Tanah Melayu. Pasukan konstabel khas – SC (*Special Constable*) dimulakan dengan kekuatan 10,000 anggota dalam tahun 1948. Pertengahan tahun 1952 ianya mencapai angka 44,878 orang anggota.⁴ Tugas mereka pada awalnya bertumpu kepada keselamatan aset ekonomi seperti ladang getah, lombong dan penguatkuasaan pengawalan makanan. Penugasan ini bakal memperkukuhkan situasi luar hutan dan memberi ruang yang lebih kepada pihak polis dan tentera untuk menumpukan operasi memburu musuh di hutan. Penentangan PKM yang hebat dalam tahun awal 50an telah menambah skop tugas mereka kepada pengawasan 600 kawasan penguatkuasaan keselamatan (*Area Security Units*). Pentadbiran pasukan SC ini juga di bawah perintah kuasa tertinggi polis di persekutuan, negeri, daerah dan kawasan (*Circle*). Setiap bahagian tadbir dibantu oleh Cawangan Siasatan Jenayah (*CID*) dan Cawangan Khas (*Special Branch*).⁵ Di utara Kedah dan selatan negeri tersebut ramai anggota SC digerakkan sekali dengan pasukan polis untuk tujuan memerangi musuh. Tidak terkecuali juga mereka menjadi mangsa tembakan komunis tersebut.⁶ Tidak dapat dinafikan ketika itu kepakaran latihan kepolisan di Tanah Melayu masih belum maju seperti negara barat khususnya Britain. Bagi memantapkan lagi kepimpinan peringkat bawah, tenaga kerja dalam bidang kepolisan dibawa masuk dari luar. Di England, *Metropolitan Police Training Centre* di Hendon dijadikan akademi latihan pegawai polis yang akan berkhidmat di Tanah Melayu. Para kadet di situ akan menjalani latihan luar di County Force dan Borough Force. Para kadet yang lulus dari sekolah tinggi dan kolej di England akan dilantik sebagai Pegawai dengan jawatan *Inspector* dan *Assistant Superintendent* (ASP). Malah lebih menarik lagi anak muda yang cetek pengalaman,

2 Lihat kupasan Indrajaya Abdullah, 2014, Ringkasan Sejarah Tentera Anti Jepun Rakyat Malaya, Petaling Jaya: SIRD.

3 Jackson, Robert, 1991. *The Malayan Emergency*, London: Routledge hlm.17. Lihat juga dekomentari dalam bentuk cakera padat “Polis Diraja Malaysia, Sepintas Lalu” terbitan Muzium Polis, No.5, Jalan Perdana, Kuala Lumpur.

4 *Ibid*, hlm. 17.

5 *Ibid*, hlm. 18.

6 Saad b.Ahmad, 73 (bekas SC), temubual pada 12 Julai 2005 di Megat Dewa, Jitra Kedah.

baru menamatkan perkhidmatan dalam Khidmat Negara (*National Service*) diberikan jawatan yang agak kanan untuk penugasan di Tanah Melayu.⁷

Tanah Melayu ketika itu sebahagian besar muka buminya masih hutan belantara dan susuli dengan ladang getah yang luas. Doktrin peperangan hutan mengatasi perang perbandaran (*urban war*), hal ini memerlukan lebih banyak ketua pasukan untuk digerakan pada peperangan bersifat begitu. Kekuatan pihak tentera sahaja dilihat tidak memadai untuk kempen memerangi musuh dalam skala besar ini. Dalam tempoh darurat juga satu jawatan yang dinamakan '*Police Lieutenant*' (PL) diwujudkan. Jawatan ini diwujudkan khas kepada pegawai Inggeris yang memegang pangkat Sarjan di Palestine. British kemudiannya membawa lebih ramai PL yang bukan hanya dari latar belakang polis malah juga dari bekas tentera. Ada antara mereka yang asalnya tentera laut, juruterbang, komando dan bekas Pasukan 136. Mereka akan mengikat kontrak selama tiga tahun dan boleh disambung jika berminat. Sepanjang darurat seramai 400 PL dibawa masuk, dari jumlah tersebut seramai 150 telah terkorban. Namun begitu mereka mencatatkan lebih banyak kejayaan bertempur dari pihak tentera British di Tanah Melayu. Ini disebabkan pihak tentera British beroperasi jauh ke dalam hutan manakala PL beroperasi di pinggir hutan yang menjadi medan aktiviti komunis.⁸ Kumpulan ini juga ditugaskan untuk operasi di kawasan pedalaman Kedah.

Pertahanan Tempatan (*Home Guard*)

Bentuk pertahanan telah berubah dalam era penentangan PKM, rakyat memainkan peranan yang utama di era darurat, tenaga, kesetiaan dan penglibatan rakyat dijadikan sebagai barisan pertahanan tempatan yang dapat diharapkan. Pertahanan rakyat ini diperkuatkan dengan pembentukan pasukan pertahanan tempatan yang dikenali sebagai *Home Guard* (HG) dan *Kampong Guard* (KG). Pasukan rakyat ini ditubuhkan Briggs dalam bulan September 1950 bermula sebagai Unit Kawalan Kampung yang lebih dikenali sebagai *Kampong Guard* (KG). Pasukan KG ini pada awalnya hanya wujud di kampung-kampung yang sering diancam komunis. Pasukan ini menjadi begitu penting di bawah Harold Briggs selaku Pengarah Operasi Darurat dengan plan 'Rancangan Briggs' dan dimantapkan lagi oleh Gerald Templer kemudiannya. Pakatan pertahanan rakyat ini kemudiannya dikenali sebagai *Home Guard* menjelang April 1952.⁹ Gerald Walter Robert Templer yang menganti Henry Gurney yang mati dibunuh dalam serangan PKM di Gap, Pahang sebagai Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu. Beliau merupakan pegawai tentera yang berpengalaman dalam kerja-kerja memerangi musuh. Di bawah Templer penyertaan kaum dalam HG menjadi menyeluruh dengan penyertaan kaum Cina dan India. Untuk kaum Cina, Templer melancarkan kempen menyeru para pemuda Cina menyertai pasukan Polis:

7 Lihat Stewart, Brian, 2004. *Smashing Terrorism in The Malayan Emergency*, Selangor: Pelanduk. hlm.10.

8 Lihat Herbert Andrew, 1995. *Who Won the Malayan Emergency*, hlm. 13, 24 & 103

9 PPP Mohd Reduan Hj. Asli & Inps. Mohd Radzuan Hj. Ibrahim, *op.cit.* hlm 110.

“...I am asking for 2,000 young Chinese volunteers to come forward ...2,000 is a small number to ask from among three million Chinese living in this country”.¹⁰

Malah kaum Cina juga dijanjikan hak politik dengan:

“the Select Committee which has been considering the Federal Citizenship Bil, has now recommended to the Legislative Council, that all those who serve in the Defence Forces of the Federation shall, after completion of three years service automatically be granted Federal Citizenship (The Templer Papers, A/C No.741/29)”¹¹

Idea dan karisma Templer sebagai tunjang tadbir melawan musuh tidak dapat diragui. Dilihat Templer selalu muncul dengan idea yang menjadi persoalan dan baru. Penubuhan HG Cina pada mulanya mendapat tentangan yang meletakkan keputusan beliau sebagai ‘*The Biggest Gamble*’. Mereka takut senjata yang diberikan akan disalurkan oleh kaum Cina kepada pihak komunis atau digunakan untuk menentang kerajaan. Telahan mereka ternyata salah apabila kaum Cina turut menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dalam HG.¹² Penugasan utama pasukan rakyat ini ialah memantapkan pertahanan kawasan setempat. Mereka tidak dibekalkan peralatan senjata yang canggih hanya sekadar senapang patah (*Shot Gun*). Mereka juga ditugaskan untuk mengawasi orang asing yang masuk ke kampung dan bertindak menyekat makanan dan ubatan dari kawasan penempatan semula dari jatuh ke tangan komunis. Pentadbiran pasukan ini diketuai oleh Pegawai Daerah (*District Officer*) sebagai pemerintah daerah. HG memainkan peranan penting apabila Skim Pendaftaran Rumah diperkenalkan dalam bulan Januari 1950. Dalam skim ini setiap ahli rumah akan direkodkan, begitu juga dengan kedatangan tetamu. Ketua kampung diberikan kuasa untuk memasuki, menyasiat serta menangkap sesiapa yang disyaki.¹³ Dilihat hal ini hampir sama dengan konsep Jikidan semasa pendudukan Jepun dimana penduduk kampung bertanggung jawab diatas keselamatan kampung mereka.

Tidak dapat tidak peranan polis diperkembangkan disamping kerja pembesaran kekuatan tentera dibuat. Kepolisan diperkuat lagi dengan diwujudkan pasukan Polis Bantuan (*Axullary Police*), ia bertujuan untuk membantu tugas anggota tetap polis seperti mana juga SC. Dalam tahun 1950 kedua-dua elemen pertahanan rakyat ini mencapai angka kekuatan seramai 47,000 orang. Keseluruhan pasukan bantuan pertahanan ini pernah mempunyai kekuatan seramai 300,000 orang anggota dan menjadikan elemen pertahanan rakyat sesuatu yang boleh diharapkan. Apabila keadaan ancaman mula reda ianya dikurangkan kepada 152,000 anggota. Kemantapan

10 Dipetik dari Oong Hak Ching, 2000. *Chinese Politic in Malaya*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm.180.

11 *Ibid*, hlm. 180

12 Kaum Cina juga terlibat dengan dua pertempuran besar dengan Komunis yang disebut J.Cloarke (1989) sebagai ‘*Chinese Battles*’. Dipetik dari Oong Hak Ching 2000, *Chinese Politic in Malaya*, hlm.181.

13 Dipetik dari Ho Hui Ling *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.hlm. 19. HG juga ditugaskan untuk kerja- kerja kebajikan dan mengatur perkhidmatan kesihatan ke sekolah.

HG terus dipergunakan kerajaan, dalam tahun 1956 seramai 8,000 anggota HG ditugaskan dalam operasi rondaan keselamatan (*Patrolling*) seperti mana pasukan keselamatan yang lain.¹⁴ Penglibatan tenaga awam yang bukan pasukan tempur atau *non combatant* juga diadakan. Terdapat dua unit yang diletakkan di bawah kuasa keselamatan iaitu Pasukan Perhubungan Awam (*Civil Liason Corps*). Ianya terdiri dari para pegawai Eropah dan Cina yang berpengetahuan dalam soal tempatan Tanah Melayu. Mereka akan menjadi pembantu dalam tugas pasukan keselamatan dalam hal ehwal bersangkutan dengan awam. Templer dilihat mempunyai idea diluar kotak pemikiran biasa ketika itu, lebih menarik dengan kewujudan pasukan bekas komunis yang dikenali sebagai *Special Operations Volunteer Forces* (SOVF). Pasukan ini berkekuatan 10 platon dan diletakkan di bawah pentadbiran Cawangan Khas Polis (SB).¹⁵ Penglibatan unit ini mendapat sokongan yang kuat dari Templer sendiri yang mengesakan supaya SOVF diberikan senjata untuk berperang bagi pihak kerajaan. Seperti yang disebut:

*“We must’ he declared, give them our trust no less than our weapons. They will be trained to fight with units of the army and the police. When necessary they will fight alone.”*¹⁶

Tentera

Selepas tamat perang kekuatan pihak tentera kembali diperkembangkan. Pihak tentera telah melalui pengalaman yang meletihkan dalam Perang Dunia Kedua. Semasa itu tentera anak tempatan Tanah Melayu hanyalah pasukan sukarelawan negeri dan Rejimen Askar Melayu. Selepas perang, pasukan ini dalam proses pembentukan kembali dan untuk kempen darurat sokongan ketenteraan luar diperlukan. Bagi pihak tentera, pasukan permulaan yang tiba dalam tempoh awal darurat ialah *2nd Guards Brigade* yang mengandungi pasukan *3rd Grenadier Guard* dan *2nd Scotts Guard*. Kekuatan ditambah dengan kehadiran *1st Battalion Queen Royal Regiment (West Surrey)*, *1st Battalion The Lincolnshire Regiment*, *1st Battalion The Devonshire Regiment* dan *1st Battalion The Suffolk Regiment*. Dalam tahun 1949 jumlah batalion yang beroperasi di Tanah Melayu adalah sebanyak 15 dan kemudian bertambah menjadi 23 batalion semasa kemuncak dalam tahun 1953¹⁷. Terdapat juga penyertaan pasukan sokongan luar yang terdiri dari negara-negara Commonwealth seperti dari Australia, New Zealand, Africa dan Fiji. Kekuatan pasukan Askar Melayu Diraja (*Malay Regiment*) yang juga dibantu oleh elemen pasukan khas seperti *Special Air Service Regiment* (SAS) dari Britain dan New Zealand serta pasukan payung terjun *Independent Squadron Parachute Regiment*.¹⁸

Sesuatu yang menarik dimana kemahiran asas penghidupan tempatan telah diguna pakai untuk tujuan pertahanan. Kaum Iban di Sarawak merupakan kaum yang mahir dalam selok belok hutan. Tindakan bijak kerajaan ialah dengan menggunakan kepakaran mereka. Mereka sebelum

14 Rujuk Jackson, Robert, 1991 *op. cit.*, hlm. 18.

15 *Ibid* hlm. 18.,

16 Dipetik dari Miller Harry, 1972. *Jungle War in Malaya* London: Arthur Barker Limited 1972. *Jungle War in Malaya*, hlm.107 dan lihat juga Syed Othman Syed Omar, 1993. *Pahlawan Angkatan Tentera Malaysia Jilid I*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 224, di mana para penganas komunis yang menyerah diri (*Surrendered Enemy Personel*) juga digunakan dalam operasi keselamatan selepas era darurat.

17 Dipetik dari Robert Jackson, *op. cit.*, hlm.18

18 *Ibid*, kupasan lanjut sila rujuk Bab 3

ini telah sedia berkhidmat dalam pasukan keselamatan tempatan di Sarawak. Kepakaran pribumi Sarawak dimanipulasikan dengan memasukkan sejumlah kecil *Iban Trackers* di bawah pasukan *Sarawak Renjers* pada awalnya untuk membantu kerja mengesan pergerakan komunis di hutan. Mereka yang begitu berjaya dalam pekerjaan ini kemudiannya ditambah dengan penubuhan Rejimen Renjer. Bantuan teknikal dan daya tempur ditambah dengan penubuhan pasukan kereta perisai yang dikenali sebagai *Federal Armoured Car Regiment*, begitu juga dengan perkhidmatan semboyan dan jurutera dengan *Federation Signal and Engineer*. Latihan peperangan hutan diperkuat kemudiannya dengan kewujudan sebuah sekolah latihan taktikal peperangan gerila di Johor yang dikenali sebagai *Far East Land Forces School of Jungle Warfare*. Sekolah ini menggunakan tenaga jurulatih dari tentera British dan Australia yang berpengalaman berperang di New Guinea.¹⁹

Tanah Melayu diperingkat awal belum mempunyai pasukan udara yang besar sedangkan keperluannya amat perlu dalam kempen melawan PKM. Sokongan udara adalah sesuatu yang amat perlu sama ada membasmi musuh dari udara atau bantuan mobiliti. Pasukan Udara sememangnya bergantung kepada sokongan dan aset tentera udara British – *Royal Air Force*. Ia boleh dibahagikan kepada tiga bentuk perkhidmatan, helikopter, pesawat pengangkutan dan pesawat pengebom. Helikopter merupakan aset udara yang dianggap paling praktikal digunakan untuk melawan komunis di Tanah Melayu. Pesawat sebegini tidak memerlukan kawasan yang luas untuk pendaratan dan mudah dioperasikan di kawasan hutan.²⁰ Paling utama ialah khidmat pesawat yang boleh mendarat dalam kawasan hutan yang tentunya dari jenis helikopter. Pasukan helikopter yang pertama dikendalikan dalam darurat ialah *Westland S51 Dragonfly* yang berpangkalan di Changi, Singapura. Ia diletakkan di bawah pentadbiran *Far East Casualty Air Evacuation Flight*.²¹ Pertahanan Tanah Melayu diperkuatkan lagi dengan kehadiran tambahan helikopter, antaranya dari jenis *Dragonfly HC2s* apabila ia dilihat semakin perlu dengan tugas sebagai medium pengangkutan ringan dan kecederaan (*casualty evacuation*). Pihak kerajaan Amerika kemudiannya membantu dengan *Sikorsky S55* di bawah *Mutual Defence Assistance Programme*. Jenis pesawat kemudian bersilih ganti dengan kehadiran *Bristol Sycamore HR14* dan *Whirwinds* juga dari RAF.²²

Kedah ketika itu juga menjadi acaman pihak musuh khususnya di kawasan utara seperti Sintok dan sebelah pedalaman timur negeri. Di Kedah penggunaan helikopter dalam kempen darurat juga sesuatu yang penting sebagaimana dijalankan di negeri-negeri lain. Penggunaan yang meluas ini telah mewujudkan tapak pendaratan (*Landing Zone*) di beberapa lokasi strategik seluruh Kedah. Pembinaan tapak mendarat ini juga ada yang mendatangkan sedikit sebanyak

19 *Ibid*, lihat juga sumber Internet <http://www.britains-small-war.com/Malaya/martin.htm>. (diakses pada 17 Nov.2005) pengalaman Donald William Martin. Beliau merupakan bekas anggota 1st Battalion Seaforth Highlanders yang menyertai pasukan keselamatan ketika berusia 18 tahun.

20 Rujuk pengalaman Jeneral Usman Jewa dalam Abd.Samad Idris, *Askar Melayu 50 Tahun*, hlm 475-476. Helikopter didapati amat sesuai untuk kerja melawan komunis, beliau mencadangkan kepada Bregidier Andre semasa dalam tugas di Kelantan untuk menggunakan khidmat helikopter, namun ia tidak dipersetujui oleh Andre. Apabila Templer mengambil alih sebanyak 28 buah helikopter besar dibeli untuk operasi hutan. Bagi Jeneral Usman sebaik-baik operasi ialah menggunakan *Chopper*.

21 Lihat Robert Jackson, *op. cit.*, hlm. 95.

22 Lihat Robert Jackson, *op. cit.*, hlm. 95.

kepayahan pada pihak rakyat. Beberapa kawasan pertanian dan penempatan juga terpaksa digunakan sebagai tapak pendaratan.²³ Seperti mana helikopter, pasukan pesawat kekak kaku begitu bergantung dengan bantuan *Royal Air Force* (RAF). Satu langkah diambil kerajaan dengan meluluskan ordinan *Malayan Auxilliary Airforce* dalam tahun 1950. Matlamat ordinan ini untuk mewujudkan empat squadron operasi pesawat terbang dalam masa empat tahun penubuhan *Malayan Auxilliary Airforce* (MAAF). Untuk tujuan tersebut pelatih mula diambil dengan pengkalan di Pulau Pinang, Singapura dan Kuala Lumpur. Mereka dilatih untuk mengendalikan perjalanan kerja pesawat udara yang beroperasi di Tanah Melayu. Tumpuannya ialah pesawat ringan *Tiger Moth*, *Auster*, *Dc 3 Dakota* ke pesawat yang lebih besar seperti *Havards* dan *Spitfires* sebelum beralih ke jentera jet pejuang seperti *Vampire*. Dalam tahun 1958 *Royal Malayan Airforce* (RMAF) ditubuhkan dari asasnya MAAF. Ia bermula dengan aset udara seperti dua *Twin Pioneers*, empat *Single Engine Pioneer*, empat *Chipmunks* beserta 120 anggota.²⁴

Tanah Melayu mempunyai dua medan laut yang luas, laluan Selat Melaka yang sibuk dan laut China Selatan yang terbuka pada pendaratan luar. Walau pun laut bukanlah medan utama pergerakan musuh namun ia diperkemas terutama bagi pertahanan sisir pantai. Bagi angkatan laut, sememangnya sudah mempunyai sejarah yang lebih lama. Pasukan ini telah ditubuhkan sebelum dari Perang Dunia Kedua lagi. Selepas tamat perang pasukan laut dipulih dan disusun kembali, *Malayan Naval Force* (MNF) ditubuhkan pada 24 Disember 1948. MNF berpangkalan di Woodlands, Singapura dan mendapat pengiktirafan ‘Diraja’ oleh Ratu England, Queen Elizabeth II pada 29 Ogos 1952. MNF kemudiannya ditukar kepada *Royal Malaya Navy* (RMN). Sejak tahun 1949 hingga 1958, tentera laut diletakkan di bawah Kerajaan Tempatan Singapura, kemudian diserahkan kepada kerajaan Tanah Melayu (Malaya) pada 1 Julai 1958.²⁵ Tentera laut juga memainkan peranan dalam membendung kegiatan PKM walaupun tidak sehebat pasukan darat dan udara.

Majlis Perang

Pihak kerajaan dilihat menyusun kerja melawan musuh dengan struktur yang kemas, agenda melawan musuh dijadikan satu perancangan yang besar dan tersusun dengan pembentukan satu badan menyelaraskan. Dalam bulan April 1950, diwujudkan sebuah badan yang dinamakan Majlis Perang Persekutuan (*Federal War Council/FWC*). Pecahan majlis ini diturunkan kepada Jawatankuasa Perang Negeri (*State War Executive Council/SWEC*) serta diperincikan lagi kepada Jawatankuasa Perang Daerah (*District War Executive Council/ DWEC*). Majlis ini bertindak ke atas semua kerja kemanusiaan seperti program kampung baru, masalah penduduk dan kerja keselamatan melawan musuh.²⁶ Di Kedah, majlis ini merupakan teras kepada peperangan melawan komunis, ia begitu berkesan dengan penglibatan pihak polis, tentera serta pegawai awam dalam perjalanan kerja majlis tersebut.²⁷

23 Di Kedah banyak tapak pendaratan begini dibuat berhampiran balai polis dan kawasan operasi utama

24 Robert Jackson, *op. cit.*, hlm. 106.

25 Majalah ‘Perajurit’, jilid 15 No.1, April 2005, terbitan Inai Damai Sdn.Bhd.

26 Rujuk Ho Hui Ling, *op. cit.*, hlm. 21.

27 Di Kedah ramai tokoh masyarakat yang terlibat dalam membantu urusan kerja Majlis Perang ini.

Kerjasama Keselamatan Sempadan

Persoalan sempadan di era darurat adalah sesuatu yang agak rumit dari segi faktor sosial dan politik. Kawasan sempadan Tanah Melayu seperti di Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan telah menjadi medan gerakan komunis yang agak selesa dari awal bermulanya pemberontakan bersenjata. PKM hanya menumpukan gerakan mereka untuk mendapatkan Tanah Melayu dan tidak menjadikan Thailand sebagai mangsa. Kawasan Thailand hanya dijadikan medan perlindungan dan membina kekuatan. Pergerakan pasukan keselamatan akan tersekat apabila gerila PKM melepasi perbatasan sempadan Thailand, kelemahan ini kemudiannya diselesaikan dengan rangkaian kerjasama keselamatan antara kerajaan British di Tanah Melayu dan pihak Thai. Satu bentuk kerjasama dimetrikkan antara British dan Thai dengan mewujudkan Pejabat Perhubungan Polis (*Liason Officer*) di Songkla bagi Tanah Melayu dan Alor Setar bagi Thailand pada awal tahun 1949. Kandungan kerjasama meliputi:

1. *Risikan (Intelligence)*
2. *Jaringan kerjasama Polis (Local contact through Police)*
3. *Tinjauan udara (Air Photography)*
4. *Operasi bersama (Combined Operation)*
5. *Latihan (Training)*
6. *Laporan siasatan (Interrogation Reports)*
7. *Rondaan sisir pantai (Costal Patrols)*
8. *Kemasukan haram (Illegal Immigration)*²⁸

Kerajaan mengambil langkah bijak dan lunak dengan perundingan rasmi antara Tanah Melayu dan Thailand. Kerjasama ini terbentuk selepas beberapa siri rundingan diadakan antara Kuala Lumpur dan Bangkok. Pihak Thailand bersetuju untuk memberikan kerjasama dengan bantuan alatan senjata dari pihak British. Antara operasi yang pertama dijalankan atas dasar kerjasama ialah dalam bulan Februari 1949, tidak lama selepas pasukan British Gurkha diserang hendap di Sungai Badak, Sintok.²⁹

Kemantapan Rakyat

Seperti yang dinyatakan dari awal, kerajaan menjadikan kempen memerangi musuh sebagai agenda rakyat. Di Kedah juga tidak terlepas dari pengukuhan hasrat tersebut, kemantapan rakyat lebih merupakan intipati perlaksanaan kerja Briggs dan Templer. Briggs memulakan dengan perancangannya yang bertujuan menyekat komunis dan rakyat yang diumpamakan 'ikan dan air'. Terkandung dalam Rancangan Briggs adalah beberapa penguatkuasaan seperti Undang-Undang dan Peraturan (*Laws and Regulations*) yang di dalamnya terisi elemen pertahanan rakyat. Briggs yang mula memikul tugas dalam bulan April 1950 berpendapat:

28 Rujuk tulisan Nik Anuar Nik Mahmud, "Early Malayan-Thai Border Collaboration Against Communist: Policy Consideration" dalam jurnal *Jebat*, bil.23/1995 Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 19-21.

29 *Ibid*, hlm. 24. Muzium Pengurusan Universiti Utara Malaysia pula melakarkan peristiwa tersebut dengan lukisan dimuzium tersebut. Serangan tersebut dikatakan hampir dengan satu empangan di Sintok. Kesan empangan tersebut masih lagi ada.

“clearing Malaya of terrorists was like clearing a Malaria-ridden country of mosquito.”³⁰

Kerja memerangi komunis memerlukan kerajaan melindungi rakyat dari segi keselamatan dan kebajikan. Briggs menempatkan semula setinggian yang berada di pinggir hutan supaya terpisah dari gangguan dan dakyah komunis. Templer yang mengambil alih kerja dalam tahun 1952-pula memperkenalkan konsep ‘*Heart and Mind*’ yang juga merupakan kesinambungan kepada kerja Briggs yang lebih diperincikan lagi.

Menaik Taraf Kampung Baru

Keselesaan dan keselamatan penduduk juga diutamakan demi menjauhkan mereka dari pemikiran dan gerakan musuh itu sendiri. Pembinaan penempatan semula yang dipraktikkan dalam pelan Kampung Baru (*New Villages*) atau perubahan lokaliti dalam *Regrouping* dan *Resettlement* lebih kepada bentuk penjagaan keselamatan dan kebajikan secara tidak langsung. Kerja pembinaan dan pengurusan program kampung baru merupakan kerja yang besar. Pada awal program hanya terdapat 194 penempatan di seluruh Tanah Melayu dengan penduduk berjumlah 290,000 orang. Jumlah ini meningkat menjadi 315 penempatan dan menjangkau 480 penempatan dengan 572,917 penduduk. Jumlah ini makin meningkat menjadi 1.2 juta penduduk yang merangkumi 1/7 jumlah penduduk diletakkan di 600 penempatan darurat.³¹ Kedah juga tidak terkecuali dengan puluhan projek yang dibuat atas tujuan tersebut. Kewujudan program penempatan, pengumpulan atau kampung baru telah menjarakkan rakyat dengan pihak musuh.

Di bawah Templer kemudiannya, satu panduan untuk penyediaan Kampung Baru digariskan sebelum sesuatu penempatan dikira lengkap:

1. Penyediaan tanah pertanian
2. Bekalan air
3. Majlis Kampong (Village Council)
4. Kerjasama baik penduduk dengan kerajaan
5. Sekolah dan guru yang cukup
6. Pusat komuniti
7. HG yang berkeupayaan
8. Perwartaan tanah yang panjang meliputi tapak rumah dan kawasan pertanian
9. Pagar dawai dan bekalan elektrik yang baik.
10. Aktiviti sukarela seperti Pengakap, Pandu Puteri dan Palang Merah.
11. Hubungan baik sesama penduduk dan pasukan keselamatan
12. Kemudahan tempat ibadat
13. Pokok-pokok sekeliling padang dan sepanjang jalan.
14. Jalan yang sempurna di samping pembinaan longkang
15. Kemudahan tandas dan kesihatan³²

30 Dipetik dari Ho Hui Ling, *op. cit.*, hlm. 18.

31 *Ibid.* hlm.19

32 Lihat Ray Nyce, “The New Village of Malaya: A Community Study”, tesis Ph.D., The Hartford Seminar Foundation, 1962, hlm. hlm.275.

Selain dari Kampung Baru, penempatan juga dikelaskan kepada:

1. Majlis Tempatan (Local Council)
2. Perkampungan Melayu
3. Majlis Perbandaran (Town Board)
4. Re-groupment Area (pengumpulan sejumlah kecil penduduk untuk digabungkan ke dalam kelompok yang besar)
5. Resettlement Area (penempatan semula yang berskala besar)
6. Absorbed (menarik masuk satu atau dua keluarga ke dalam kelompok yang sedia ada)³³

Bantuan Kewangan (*Fund*)

Untuk penempatan semula seperti *Resettlement* dan *Regrouping*, kerajaan menyediakan peruntukan \$100 pada setiap keluarga sebagai imbuhan perpindahan bersama surat arahan pindah (*Removal Order*). Ianya diuruskan oleh Majlis Eksekutif Perang Negeri (*State War Executive Council-SWEC*).³⁴ Seperti mana para penduduk program kampung baru, penempatan lain juga mendapat kemudahan sokongan penghidupan. Terdapat program mendedahkan rakyat yang jauh di pedalaman dengan kemodenan seperti latihan pertanian, lawatan dan ceramah. Program ini dikenali sebagai '*Civic Course*'. Ada yang dijalankan secara terus oleh SWEC dan ada pula secara gabungan dengan badan-badan bukan kerajaan.³⁵

Bantuan yang terbesar adalah dari *Emergency Fund* yang disalurkan dari pentadbiran pusat ke SWEC dan kemudiannya ke *District War Executive Council* (DWEC). Peruntukan yang agak besar ini meliputi apa jua bantuan yang difikirkan perlu sepanjang kempen darurat berjalan. Bantuan yang disalurkan ke daerah dikawal selia oleh Pegawai Daerah sebagai Penyelia Projek.³⁶ Kaum Cina yang banyak terlibat dalam program penempatan semula ini dibantu dari sudut kebajikannya oleh satu badan tajaan kerajaan yang dipanggil *Chinese Affair Office*. Ia satu elemen pentadbiran kecil yang telah lama diwujudkan dan semakin memainkan peranan dalam era darurat. Pegawai dari badan ini juga dilantik menganggotai *State War Executive Council* (SWEC) dan *State War Advisory Committee* (SWAC).³⁷ Apabila program '*Heart and Mind*' dilancarkan Templer terdapat juga satu peruntukan kecil disalurkan kepada DWEC. Asas peruntukan adalah sebanyak \$500 dan boleh ditambah sekiranya perlu selepas kelulusan Setiausaha Kementerian Pertahanan. Perkara ini di bawah seliaan Col. Holbrook yang beribu pejabat di Bluff Road, Kuala Lumpur (Bukit Aman sekarang).³⁸ Ganti rugi juga diberikan

33 *Ibid*, hlm.7.

34 Di Kedah terdapat beberapa *Removal* yang disertai dengan pampasan, contohnya perpindahan 500 penduduk dari Tobiari, Padang Pusing, Guar Kepayang, Padang Kerbau dan Lesong. Mereka dibayar \$100 sekeluarga untuk urusan berpindah, rujukan SUK 157/1373.

35 SUK 516/1375. Di Kedah ada terdapat juga program yang dianjurkan oleh MCA dengan kerjasama *Chinese Chamber Commerce*.

36 Sebagai contoh dalam tahun 1954, Syed Noh Shahabuddin selaku Pegawai Daerah Kubang Pasu menjadi penyelia projek *Emergency Fund* untuk Changloon New Village. Rujukan SUK 602/1374.

37 SUK 1384/1373. Mereka juga berperanan dalam menggalakkan pemuda-pemuda Cina menyertai HG.

38 SUK 853/1374.

kerajaan terhadap beberapa aspek kerugian yang dialami penduduk terutamanya dari segi harta benda. Terdapat kawasan pertanian, ibadat dan penempatan yang terpaksa dimusnahkan atau dirombak menjadi kawasan kegunaan pasukan keselamatan telah diberikan pampasan.³⁹ Ganti rugi ini dikenali sebagai '*Emergency Compention*'. Bayaran ini disalurkan dari Perbendaharaan Negara (*Treasury*) yang diturunkan kepada satu jabatan yang dipanggil Jabatan Tuntutan Perang (*War Department Claim Commision*). Jika tuntutan kurang dari \$5,000 ia akan diselesaikan dengan kelulusan Pegawai Daerah tetapi andai kata melebihi jumlah tersebut ia mesti dimajukan kepada Perbendaharaan Negara yang kemudiannya akan mengarahkan Jabatan Pertanian untuk membuat penilaian.⁴⁰ Terdapat juga kawasan yang dikecualikan dari cukai tanah oleh pentadbiran negeri apabila tanah tersebut tidak dapat diusahakan untuk tujuan pengeluaran hasil.⁴¹ Malah penerokaan tanah juga dibenarkan di beberapa kawasan yang telah terjamin selamat untuk tujuan ekonomi.⁴²

Ordinan Majlis Kampong dan Skim Bantuan Jalan Era Darurat (Emergency Road Scheme)

Satu majlis pentadbiran kampung diperkenalkan dalam bulan Mei 1952, dianggotai oleh ahli masyarakat yang akan memikul tanggungjawab mentadbir hal-ehwal kampung. Majlis ini akan mendekatkan rakyat kepada kerajaan, sekali gus akan menyebelahi kerajaan dan memusuhi komunis. Dalam perjalanan kerja majlis ini para pemimpin setempat diberi peluang untuk mentadbir kawasan setempat, mengutip cukai, mengawasi kemudahan kesihatan, sekolah, pasar dan penyelenggaraan jalan tempatan.⁴³ Kawasan pedalaman yang agak terpisah dari kelompok penempatan utama dipertahankan oleh pasukan keselamatan yang terdiri dari pihak polis dan tentera. Ada juga sistem pertahanan kawasan tersebut diperkemaskan dengan penambahbaikan pertahanan tempatan seperti HG dan SC. Satu tindakan serampang dua mata dijalankan, sistem perhubungan seperti kemudahan jalan utama diperbaiki. Jalan yang sempurna akan menjana ekonomi setempat, penghidupan akan menjadi lebih sempurna dan dakyah komunis akan sukar menembusi masyarakat. Aspek keselamatan setempat menjadi lebih terjamin dengan kesempurnaan jalan perhubungan. Jika dahulunya perhubungan ke sesuatu kawasan mesti melalui sungai tetapi dengan kemudahan jalan raya ianya menjadi lebih cepat. Kerajaan memperkenalkan satu skim '*Emergency Roads*' untuk tujuan tersebut.⁴⁴ Seterusnya kerajaan juga memajukan sistem perhubungan sama ada talian telefon, jalanraya

39 SUK 1916/1373. Misalnya pada 27 Mac 1953, Watt Pakla, Nakka dan Lamdin telah dibakar pihak tentera atas alasan menjadi tempat persembunyian komunis.

40 SUK 660/1375. Di Junjong, Kulim misalnya tembakan meriam dari tentera Australia pada 19 April 1956 telah merosakkan ladang getah kepunyaan Yeep Boon Bee.

41 SUK 228/1375. Di Kedah menerima rayuan penduduk Bagan Sena mengenai cukai tanah. Rayuan dimajukan melalui Syed A. Rahman Al Jefree selaku Ketua Pentadbir Tanah Kedah (Kepala Pekerjaan Tanah).

42 SUK 346, 851 /1379. Apabila ancaman mulai reda terdapat banyak permohonan penerokaan tanah di Kedah. Sebagai contoh permohonan tanah dari 24 HG Cina dan Melayu dari Pokok Sena New Village dan permohonan 97 orang masyarakat Siam atas tujuan yang sama.

43 Lihat Ho Hui Ling, *op. cit*, hlm. 21.

44 SUK 514/1379. Kedah menerima peruntukan sebanyak \$2.5 juta untuk pembinaan sembilan batang jalan di era penghujung darurat.

atau perkhidmatan pengangkutan awam. Dengan pulih dan majunya elemen ini maka keyakinan dan moral rakyat kembali pulih. Perlaksanaan kempen melawan komunis menjadi lebih mudah sama ada secara gerakan tentera, pemulihan ekonomi atau kebajikan sosial. Keselesaan rakyat juga meliputi peningkatan taraf perkhidmatan kesihatan, perparitan, bekalan air serta elektrik. Kesemua keperluan hidup ini adalah menjadi satu senjata psikologi bagi kerajaan memerangi komunis dengan memenangi hati rakyat.⁴⁵

Perang Saraf-Propaganda dan Psikologi

Terdapat dua badan yang memainkan peranan pada awalnya tentang propaganda, *Malayan Film Unit*, *Emergency Information Service* dan *Department of Information*. Ada kalanya wujud percanggahan berita, pendapat dan sumber antara satu sama lain, apa yang disebut sebagai '*Black Propaganda*'. Satu bentuk penyelarasan di peringkat persekutuan dibuat dengan diketuai oleh Alec Peterson, bekas Pengetua Adam Grammar School, England.⁴⁶ Perang memahami peranan kerajaan dan bahaya komunis dimulakan awalnya secara lembaran bercetak ke seluruh negara. Ianya dikendalikan oleh Jabatan Penerangan (*Information Department*), bahan bacaan setiap dua minggu ini dikeluarkan dalam bahasa Melayu, Cina dan Tamil. Jabatan ini kemudiannya mengeluarkan lebih banyak terbitan apabila kempen darurat semakin hangat. Terbitan dalam bahasa Cina yang dinamakan *Farmers' New* merupakan terbitan yang paling meluas. Sebuah terbitan bulanan *New Path News* pula dihasilkan oleh dua pakar perang saraf, C.C. Too dan Lam Swee. Terbitan ini menjangkau angka 70,000 naskah pada akhir 1952. Hingga tahun 1953 sebanyak setengah juta naskah dari 13 terbitan bulanan telah diedarkan untuk tujuan perang saraf.⁴⁷ Radio kemudiannya menjadi salah satu saluran untuk menentang musuh. Perang Korea di awal tahun 1950-an memberikan bonus kepada usaha ini. Harga getah asli meningkat dan memberikan pulangan yang lebih baik kepada rakyat. Radio pada masa itu menjadi alat hiburan yang paling diminati. Dalam tahun 1949 hanya 35,000 lesen radio dikeluarkan namun bertambah menjadi 110,800 dalam tahun 1953. Radio kemudiannya menjadi saluran yang mudah bagi kerajaan menyalurkan maklumat kepada semua kampung, kampung baru (*New Villages*), lombong dan ladang. Dalam *Federation Annual Report* menyebutkan:

*“radio reached into the rural areas and for the first time became an important medium of information, education and entertainment for the isolated population which hitherto had been largely outside its range”.*⁴⁸

Tayangan filem adalah media tarikan paling hebat selepas perang. Filem-filem propaganda telah lebih awal ditayangkan semasa Jepun lagi. Tarikan hebat ini membuka ruang yang luas bagi kerajaan menjadikan media melawan komunis yang efektif. Dalam tahun 1951 sebanyak

45 Untuk keterangan lanjut rujuk Ho Hui Ling, *op. cit.*, Bab 6.

46 Rujuk John Cloake, 1985. *Templer, Tiger of Malaya*, hlm. 236-237. Alec dalam era Jepun pernah berkhidmat dalam Force 136 untuk tujuan propaganda. Bagi kempen komunis di Tanah Melayu beliau digantikan oleh J.N. Mc Hugh yang kemudiannya menyerahkan kepada Yaacob Latif sebagai anak Melayu pertama memegang jawatan tersebut.

47 Rujuk Richard Stub, *op. cit.*, hlm. 180.

48 *Ibid*, hlm. 182.

16 unit tayangan bergerak (*Mobile Unit*) di bawah *Malayan Film Unit* telah ditubuhkan. Sambutan yang hebat menjadikan 90 unit diwujudkan dalam tahun 1954.⁴⁹ Tarikan masyarakat juga dibuat melalui seni pementasan yang merupakan lakonan ala bangsawan. Perkumpulan masyarakat untuk tujuan hiburan ini diselitkan dengan drama ala propaganda serta ceramah dari para bekas komunis-SEP (*Surrendered Enemy Personel*). Terdapat kesan dari peranan para SEP ini, dalam tahun 1952-53 ramai gerila komunis memilih untuk menyerah diri namun peratusannya tidak meningkat pada tahun berikutnya. Ini disebabkan kesan moral dari kemenangan regim komunis di Indo-China dan penegasan disiplin dalam kalangan anggota komunis di hutan. Begitu pun, SEP juga menyumbang khidmat dalam satu pasukan khas membantu pasukan keselamatan yang dinamakan *Special Operation Volunteer Force* (SOVF).⁵⁰ Sebaran maklumat melalui udara dibuat untuk tujuan serahan diri. Hebahan udara juga dibuat dengan memainkan pita menyeru pihak komunis untuk menyerah diri. Di Kedah ia juga dipraktikkan untuk menarik keluar beberapa orang komunis dari hutan.⁵¹ Ganjaran juga merupakan salah satu cara untuk melemahkan pihak musuh. Pihak kerajaan menyediakan imbuhan wang bagi mana-mana anggota yang dapat membantu mendapatkan sasaran kerajaan sama ada hidup atau mati.⁵²

Kempen Bulan Melawan Penjahat dan Pemantapan Pendidikan

Bulan Melawan Penjahat adalah sebahagian dari kempen darurat yang bertujuan untuk melahirkan kerjasama padu seluruh rakyat untuk menentang dakyah komunis. Ia dijalankan secara gerakan keselamatan dan perang psikologi. Aspek keselamatan meliputi mengadakan sekatan jalanraya, pemeriksaan kad pengenalan, kawalan makanan mengendalikan pos kawalan. Manakala aspek psikologi pula merangkumi ceramah, poster dan gotong-royong. Untuk tujuan tersebut 435,905 orang sukarelawan berdaftar mengambil bahagian sepanjang kempen tersebut berlangsung.⁵³ Pendidikan dilihat sebagai antara senjata yang boleh dijadikan medan penyatuan dan benteng pertahanan generasi muda dari penyerapan serta dakyah komunis. Masyarakat Cina begitu meletakkan nilai pada pendidikan, justeru pendidikan juga menjadi teras bagi pembinaan kampung baru (*New Village*). Pembinaan sekolah-sekolah Cina dalam program kampung baru juga menerima sedikit sebanyak sumbangan dari kaum Cina melalui pertubuhan politik MCA.⁵⁴

49 *Ibid*, hlm. 182 dan John Cloarke, *op. cit.*, hlm. 290.

50 Lihat Richard Stubs, *op. cit.*, hlm. 182 serta rujuk Lt.Col. (R) Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, 2007. *The Malayan Emergency, Revisited 1948-1960*, Kuala Lumpur: Amir Holding Sdn.Bhd. hlm. 282.

51 Temubual dengan bekas SC Mansor Ibrahim 74, di Felda Bt.8 Changloon pada 5 Oktober 2005. Sebagai usaha untuk menyeru Din Kerr menyerah diri, pesawat udara yang dilengkapi pembesar suara digunakan di ruang udara kawasan yang disyaki.

52 Lihat Richard Stubs, *op. cit.*, hlm. 184 serta rujuk Chin Peng, *op. cit.*, hlm. 312 tentang ganjaran wang \$150,000 bagi Ah Koek.

53 Rujuk Ho Hui Ling *.op. cit.*, hlm. 18.

54 SUK 893/1373, di Kedah MCA juga memainkan peranan dalam pembinaan sekolah di penempatan darurat. Enam sekolah Cina dibina pada enam penempatan darurat. Kedah menerima sebanyak \$1,503,646.30 dari *New Village Service Fund* dalam tahun 1953 untuk pengurusan 38 buah penempatan.

Di pihak kerajaan bantuan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Dalam tahun 1952, setiap sekolah di penempatan kampung baru menerima \$1,500 untuk setiap pembinaan kelas baru, \$ 1,500 untuk kuarters guru dan geran bernilai \$10 setiap pelajar untuk pembiayaan buku. Dalam laporan tahunan mengenai pelajaran (*Annual Report on Education*), semua kampung baru yang berpopulasi 400 orang disediakan sekolah yang berhampiran dengan penempatan.⁵⁵ Terdapat juga bantuan yang merupakan satu dana yang dinamakan 'New Villages Service Fund', disalurkan kerajaan melalui Majlis Perang Negeri (SWEC) yang kemudiannya menguruskan ke daerah (DWEC).⁵⁶ Terdapat pelbagai rencanan lagi yang dijalankan di peringkat persekutuan untuk seluruh Tanah Melayu tetapi apa yang dibicarakan di atas antara yang paling banyak berkisar dalam penyelidikan mengenai darurat di Kedah.

Kesimpulan

Prihal kempen melawan PKM adalah berbeza dengan strategi pertahanan semasa serangan tentera Jepun tahun 1941 dahulu. British mengambil pendekatan yang berlainan dari apa yang dilakukan semasa Perang Dunia Kedua dimana meletakkan tugas pertahanan dan keselamatan pada pasukan keselamatan semata-mata. Pendekatan era darurat dilihat dibuat secara bersepadu dengan melibatkan pihak kerajaan dan awam. Tanggung jawab memerangi musuh sudah terpicul pada semua lapisan masyarakat. Pertahanan diperkukuhkan dengan pembesaran ketenteraan dan keselamatan di bawah polis pula digandingkan rakyat bersama dengan penyertaan rakyat dalam HG dan SC. Majlis Perang memainkan peranan penyelarasan kepada semua plan tindakan memerangi musuh. Dipihak rakyat secara umum diperhebatkan pendekatan psikologi dan kesedaran terhadap bahaya musuh pada semua lapisan masyarakat. Pendekatan ini terbukti berkesan apabila musuh mengundur dalam tahun 60an untuk seketika. Perancangan yang strategik beginilah dengan penyertaan elemen kerajaan dan rakyat yang menyokong kemenangan serta mengalahkan pihak PKM. Paling menarik kempen melawan PKM ini telah melibatkan seluruh rakyat tanpa mengira bangsa dan agama. Rakyat telah bersatu dan melihat PKM sebagai musuh yang perlu dibasmikan.

Rujukan

Buku, Jurnal & Tesis

- Abdul Samad Idris, 1983. *Askar Melayu 50 Tahun*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman
- Andrew, Herbert, 1995, *Who Won The Malayan Emergency?* Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd.
- Cloarke, John, 1985. *Templer Tiger of Malaya*, London: Harrap Ltd.
- Ho Hui Ling 2004. *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Indrajaya Abdullah, 2014, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti Jepun Rakyat Malaya*, Petaling Jaya: SIRD.
- Jackson, Robert, 1991. *The Malayan Emergency*, London: Routledge
- Lt.Col. (R) Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, 2007. *The Malayan Emergency, Revisited 1948-1960*, Kuala Lumpur: Amir Holding Sdn.Bhd.
- Miller Harry, 1972. *Jungle War in Malaya* London: Arthur Barker Limited

55 Richard Stubs, *op. cit.*, hlm.170.

56 SUK 893/1373, Kedah menerima peruntukan sebanyak \$ 1,503,646,30 untuk 38 penempatan darurat dalam tahun 1953.

- Nik Anuar Nik Mahmud, "Early Malayan-Thai Border Collaboration against Communist: Policy Consideration" dalam jurnal *Jebat*, bil.23/1995 Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia,
- Oong Hak Ching, 2000. *Chinese Politic in Malaya*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- PPP Mohd Reduan Hj. Asli & Inps.Mohd Radzuan Hj. Ibrahim, 1984. *Polis Diraja Malaysia, Sejarah Peranan Dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ray Nyce, "The New Village of Malaya: A Community Study", tesis Ph.D., The Hartford Seminar Foundation, 1962
- Stewart, Brian, 2004. *Smashing Terrorism inThe Malayan Emergency*, Selangor: Pelanduk.
- Stubbs, Richard, 1989. *The Hearts and Minds inThe Guerilla Warfare*, Singapore: Oxford University Press.
- Syed Othman Syed Omar, 1993. *Pahlawan Angkatan Tentera Malaysia Jilid I*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

Fail Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK)

- SUK 516/1375
SUK 602/1374.
SUK 1384/1373
SUK 853/1374.
SUK 1916/1373
SUK 660/1375
SUK 228/1375
SUK 346,851 /1379
SUK 893/1373

Majalah dan sumber Internet

- Perajurit*, jilid 15 No.1, April 2005, terbitan Inai Damai Sdn.Bhd.
[http://www.britains-small-war.com /Malaya/martin.htm](http://www.britains-small-war.com/Malaya/martin.htm). (diakses pada 17 Nov.2005) Donald William Martin.

Temubual

- Bekas SC Mansor Ibrahim 74, di Felda Bt.8 Changloon pada 5 Oktober 2005. Bekas SC Saad b. Ahmad, 73 temubual pada 12 Julai 2005 di Megat Dewa, Jitra Kedah.